




◇ **PENDAHULUAN DAN KETERANGAN ORGANISASI**

Kami dari Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuantan. Dianggotai seramai 54 orang kakitangan yang diketuai oleh seorang Jurutera Daerah (J 41), seorang Penolong Jurutera (J29), dan seorang Juruteknik Kanan Tertinggi (J 26).

Antara bidang tugas organisasi jabatan terbahagi kepada beberapa unit dan bahagian. Antaranya adalah Saliran Bandar, Hidrologi, Ukur Bahan & Kontrak, Pengairan & Saliran Pertanian, Kejuruteraan Sungai & Pantai, Khidmat Sokongan lain-lain agensi dan Pentadbiran.


Bahagian Saliran Bandar adalah menjadi fokus utama dalam Kumpulan **“TANGGA KEJAYAAN”** bagi menjalankan projek inovasi ini. Bahagian ini terdiri daripada 15 orang Pekerja Rendah Awam termasuk dua (2) mandur serta empat (4) orang Juruteknik.

Fungsi dan skop kerja adalah menyelenggara kebersihan parit konkrit, parit tanah dan sungai-sungai di daerah Kuantan. Di antara tugas-tugas unit ini adalah menyelenggara kebersihan tebing parit tanah dan rezab sungai yang ditumbuhi rumputumpai dengan kerja menebas rumput, memotong dan memangkas pokok-pokok, dan lain-lain tugas yang berkaitan dengannya dari masa ke semasa. Kerja-kerja penyelenggaraan ini perlu dijalankan untuk menjamin aliran air di dalam parit dan sungai agar berjalan lancar serta mengelakkan pencemaran alam sekitar di samping mengindahkan lokasi setempat sejajar dengan konsep mesra alam. Kawasan Sungai Galing Besar dan Sungai Galing Kechil adalah kawasan tumpuan di mana Sg. Galing telah dipilih di bawah Program Satu Negeri Satu Sungai (1N1S) dan perlu diselenggara dengan baik.



◇ **LATAR BELAKANG INOVASI YANG DIPERKENALKAN**

1. Sebelum penggunaan “**SMART LADDER**” diperkenalkan, kerja-kerja menebas rumput, memotong dan memangkas pokok di kawasan tebing parit tanah dan kawasan rezab Sungai Galing Besar ini sukar dijalankan secara manual. Pekerja awam terdedah kepada risiko kemalangan (terjatuh) kerana licin selepas hujan atau ketika waktu pagi di mana kawasan tebing masih basah. Setelah timbul aduan daripada pekerja awam mereka selalu terjatuh/tergelincir ketika bekerja selepas hujan, mandur mengadakan perbincangan bersama Juruteknik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pekerja awam ini.
2. Pekerja awam sering membuat aduan yang mereka selalu terjatuh/tergelincir ketika bekerja selepas hujan dan waktu pagi. Oleh itu mandur telah mengadakan perbincangan bersama Juruteknik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pekerja awam ini.
3. Sebelum ini kerja-kerja memotong rumput di kawasan tebing yang curam dengan menggunakan semburan racun rumput ternyata berkesan, tetapi ianya didapati tidak menepati konsep mesra alam. Maka kumpulan “**TANGGA KEJAYAAN**” mendapati ianya tidak lagi praktikal dan bercanggah serta tidak menepati Polisi dan Objektif Alam Sekitar - EMS ISO 14001 : 2004 Pengurusan Sungai Galing yang mana Sungai Galing adalah projek Satu Negeri Satu Sungai, (1N1S).
4. Bagi mencari kaedah yang berkesan serta praktikal maka kumpulan “**TANGGA KEJAYAAN**” telah ditubuhkan pada 01 Julai 2009 yang dianggotai oleh 9 orang ahli dan dibantu oleh seorang ketua kumpulan dan fasilitator Jurutera Daerah En. Saiful Rizan bin Sanusi.



◇ SEBELUM INOVASI DIPERKENALKAN

Pekerja awam sering mengadu mereka terdedah dengan beberapa kemalangan di mana mereka selalu tergelincir di tebing parit tanah/sungai ketika menjalankan tugas terutama pada sebelah pagi atau selepas waktu hujan. Kejadian ini amat merbahaya kepada pekerja awam kerana pada masa yang sama mereka terpaksa mengawal mesin rumput/*chain saw* ketika mereka terjatuh. Beberapa masalah ditempat kerja selalu dihadapi oleh pihak pekerja awam semasa menjalankan kerja-kerja memotong rumput, di antaranya ialah :

1. Pekerja awam mengambil masa yang lama kerana menunggu keadaan di tapak kerja kering sebelum memulakan kerja di tebing parit dan sungai yang curam untuk mengelakkan sebarang kemalangan berlaku.
2. Pekerja terpaksa menghadapi beberapa risiko yang merbahaya semasa menjalankan kerja memotong rumput dan memangkas pokok di tebing sungai dan parit tanah yang curam.
3. Teguran dan aduan awam daripada orang ramai pekerja awam JPS tidak menjalankan kerja atau lambat memotong rumput.

◇ KREATIVITI

Risiko kemalangan ini sangat merbahaya dan telah diberi perhatian oleh Jurutera Daerah. Beliau mengarahkan supaya masalah ini perlu di bendung dan di atasi segera. Inovasi ini adalah diilhamkan oleh Unit Teknikal dan Pekerja Awam Saliran Bandar JPS Daerah Kuantan yang mana unit ini selalu menghadapi masalah untuk memotong rumput dan memangkas pokok di tebing parit tanah dan tebing sungai yang curam.

Pada awalnya pekerja awam mencadangkan beberapa kaedah di antara menggunakan tangga aluminium biasa. Setelah diuji di tapak banyak perkara mengenai keselamatan perlu dipertingkatkan iaitu tangga tersebut tidak dapat menampung beban pekerja awam yang berdiri di atasnya dan tapak pemijak tangga terlalu kecil yang membahayakan keselamatan. Selain itu tangga aluminium tersebut tidak mempunyai hook (pemegang) bagi menstabilkan kedudukan tangga di tebing yang curam.



◇ **POTENSI PELAKSANAAN**

Projek Inovasi ini telah melepasi secara percubaan sepanjang 6 bulan pada peringkat awal pada awal tahun 2009. Sehingga kini kumpulan pekerja awam di JPS Daerah Kuantan telah dapat melaksanakan kerja memotong rumput tanpa sebarang masalah walaupun selepas hujan atau ketika waktu pagi dan dapat mengurangkan kemalangan ditempat kerja.

◇ **REPLICABILITY**

Kumpulan “**TANGGA KEJAYAAN**” masa kini sedang berusaha mendapatkan surat kelulusan daripada YH. Dato’ Pengarah JPS Negeri Pahang untuk diseragamkan penggunaan “**SMART LADDER**” ini kepada semua JPS daerah di Negeri Pahang Darul Makmur.

◇ **FAEDAH/EFISIEN “SMART LADDER”**

1. Mengurangkan kejadian kemalangan akibat terjatuh di tempat kerja ketika selepas hujan dan pada waktu pagi.
2. Mengatasi rungutan pekerja di Jabatan terhadap keselamatan pekerja awam dari terjatuh dan kemalangan di tempat kerja kerana keadaan di tapak licin.
3. Meningkatkan mutu kerja memotong rumput dan memangkas pokok di kawasan tebing sungai dan parit-parit tanah utama.
4. Memudahkan pekerja memotong rumput ditebing sungai yang curam.
5. Membuat pekerja merasa yakin dan selesa menjalankan kerja walaupun ketika selepas hujan / pada awal pagi ketika keadaan di tapak masih basah.
6. Menambahkan lagi rasa tanggungjawab terhadap tugas dan kerja yang perlu dilaksanakan oleh pekerja awam.
7. Keupayaan tangga ini juga boleh dijadikan sebagai alat troli mudah alih yang mampu mengangkut barang-barang pejabat sehingga muatan ± 150 kilogram.



◇ **SIGNIFIKAN**

1. Sokongan dari pihak atasan iaitu Jurutera Daerah serta rakan sekerja.
2. Komitmen ahli kumpulan dengan semangat kerja berkumpulan yang tinggi dan efisien.
3. Galakan semua pihak termasuk pekerja rendah awam yang terlibat secara langsung.
4. Kesedaran dan rasa tanggungjawab yang tinggi pada diri, kumpulan serta jabatan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.
5. Bakat kepimpinan dan daya kreativiti di kalangan ahli kumpulan.
6. Mendedahkan ahli-ahli kepada kerja berkumpulan dengan semangat kerjasama yang tinggi.
7. Input kepada organisasi, jabatan serta menaikkan imej jabatan.
8. Kepuasan dalam pencetusan idea-idea oleh ahli-ahli kumpulan dalam usaha mengurangkan kemalangan ditempat kerja.

◇ **KEBERKESANAN KOS**

Projek ini dapat meningkatkan produktiviti hasil kerja melalui penjimatan kos. Kos upah bagi membina sebuah tangga pelbagai guna adalah sebanyak RM 1,600.00, manakala kos tenaga upah pekerja awam sehari RM 32.00. Bagi kerja-kerja pembersihan kawasan yang dilaksanakan secara Jabatan oleh empat (4) orang pekerja awam di Sungai Galing untuk 5 hari adalah sebanyak RM 2,240.00. Sekiranya kerja-kerja tersebut dibuat secara runding terus anggaran kos adalah sebanyak RM 10,000.00. Ini bermakna penjimatan wang kerajaan adalah sebanyak RM 7,760.00.

◇ **KESIMPULAN**

Dengan adanya “**SMART LADDER**” Jabatan ini telah dapat mengurangkan kemalangan di tempat kerja, operasi kerja memotong rumput oleh pekerja awam di tebing parit tanah/sungai dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan efisien di samping dapat meningkatkan mutu kerja serta menjamin keselamatan pekerja awam bebas dari ditimpa kemalangan ketika bekerja.